

# FAQ Teaching & Learning MCO 3.0

1. **I am a Final Year Student and I need to use the lab for my Final Year Project. When can I have access to the lab ?**

All lab work is postponed until the end of the semester (24<sup>th</sup> June 2021 for UTM JB) and 25<sup>th</sup> June 2021) for UTM KL. After these dates, opening of the lab is subject to approval from Management of University. Status 'Tidak Selesai' is given for the incomplete course in Semester II and students can continue to complete their lab work in Semester III (subject to approval from Management of University at that time).

**Saya adalah pelajar tahun akhir dan perlu menggunakan makmal bagi Projek Tahun Akhir. Bilakah saya boleh mendapatkan akses ke makmal ?**

Semua aktiviti makmal ditangguhkan sehingga akhir semester (24 Jun 2021 untuk UTM JB dan 25 Jun 2021 untuk UTM KL). Selepas tarikh ini, pembukaan makmal adalah tertakluk pada kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti. Status 'Tidak Selesai' akan diberikan pada kursus yang tidak dilengkapkan pada Semester II dan pelajar boleh meneruskan untuk melengkapkan kerja makmal dalam semester III (tertakluk pada kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada ketika itu).

2. **I am a postgraduate student and I was in the middle of/have started doing my experiment when MCO was announced. When can I have access to the lab?**

Because you are already in the middle of your experiment, you can have access to the lab after 7<sup>th</sup> June 2021 (National MCO 3.0 end date). This is done manually through a written letter supported by your Supervisor, checked by Faculty and approval by HEP Office. However, this approval (entry to lab after 7<sup>th</sup> June 2021) is subject to announcement on the current status of the university by University Management.

**Saya adalah pelajar pasca siswazah dan telah/sedang melaksanakan eksperimen semasa PKP dimaklumkan. Bilakah saya boleh mengakses makmal ?**

Oleh kerana anda telah pun menjalankan eksperimen, anda boleh mengakses makmal selepas 7 Jun 2021 (tarikh akhir PKP 3.0). Ini boleh dilakukan secara manual melalui surat secara bertulis yang disokong oleh Penyelia, disemak oleh Fakulti dan diluluskan oleh Pejabat TNCHep. Walau bagaimanapun, kelulusan ini tertakluk pada pengumuman semasa status Universiti oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti.

3. **I am a postgraduate student and I have not started my experiment yet when MCO was announced. When can I have access to lab ?**

You have no access to the lab until the end of semester II.

**Saya adalah pelajar pasca siswazah dan belum memulakan eksperimen semasa PKP diumumkan. Bilakah saya boleh mempunyai akses ke makmal ?**

Anda tidak boleh mengakses makmal sehingga akhir semester II.

4. **I am a Final Year Student and I need to use the lab for my Final Year Project. I also have to carry out my Industrial Training in Semester III. What happens if I cannot enter the lab in Semester II ?**

'Tidak Selesai' (incomplete) status will be given for the incomplete course in Semester II and students can continue to complete their lab work in Semester III (subject to approval from Management of University at that time). You can still continue to attend Industrial Training in Semester III and your result in Semester II will still be released although you have courses that you have not completed with 'Tidak Selesai' status.

**Saya adalah pelajar tahun akhir dan perlu menggunakan makmal bagi Projek Tahun Akhir. Saya juga perlu menjalani Latihan Industri pada Semester III. Apakah yang akan berlaku jika saya tidak dapat mengakses makmal pada Semester II ?**

Status 'Tidak Selesai' akan diberikan pada kursus yang tidak dilengkapkan pada Semester II dan pelajar boleh meneruskan untuk melengkapkan kerja makmal dalam semester III (tertakluk pada kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada ketika itu). Anda boleh terus menjalani Latihan Industri pada Semester III dan keputusan bagi Semester II akan dikeluarkan walaupun terdapat kursus yang belum anda selesaikan dengan status 'Tidak Selesai'

5. **I do not have a stable internet connection/devices for online final exams at my location. What should I do ?**

Please apply to sit for the final examination at the nearest campus. Contact your School/Faculty to obtain the form or fill in the form here: <http://gg.gg/unkgz>

**Saya tidak mempunyai perkakasan/ talian internet yang stabil bagi peperiksaan akhir secara dalam talian di lokasi saya. Apa perlu saya lakukan ?**

Sila mohon untuk menduduki peperiksaan akhir di kampus terdekat. Hubungi Sekolah/Fakulti untuk mendapatkan borang atau isi terus di sini: <http://gg.gg/unkgz>

6. **I have applied for industrial placement to do my Industrial Training in Semester III. What happens if the EMCO/MCO continues during Semester III ?**

You can still continue to attend Industrial Training in Semester III and follow the Standard Operating Procedures (SOP) of the industry at that time.

**Saya telah memohon untuk penempatan industri bagi menjalani Latihan Industri pada semester III. Apakah yang akan berlaku jika PKP/PKPD diteruskan semasa Semester III?**

Anda masih boleh meneruskan Latihan Industri pada Semester III dengan mematuhi SOP pihak industri.

7. **I am a Final Year Student with only FYP left to be completed for my graduation and I need to use the lab for my FYP. What happens if the EMCO/MCO continues during Semester III and it prevents me from going to the lab ?**

Ongoing FYP at the final semester and focusing on experimental projects can still be carried out with possibility of extension of time to complete. Whilst students who have ongoing FYP at the initiation stage which focused on experimental projects are encouraged to realign as simulation work or computer-based technology according to the offered programme. You can discuss with your supervisor if the lab work can be replaced with computer-based simulation and presenting literature critique and additional analysis.

**Saya adalah pelajar tahun akhir dan hanya perlu melengkapkan Projek Tahun Akhir untuk bergraduan dan saya memerlukan akses ke makmal untuk melengkapkan projek tahun akhir. Apakah yang akan berlaku jika PKP/PKPD diteruskan semasa Semester III dan menyebabkan saya tidak dapat ke makmal ?**

Pelajar yang sedang berada di semester akhir pengajian dan perlu menjalankan eksperimen di makmal sebagai keperluan menyiapkan projek PSM boleh meneruskan kursus dengan kemungkinan perlu diberi masa tambahan.

Manakala, pelajar yang masih di peringkat awal pelaksanaan PSM yang perlu menjalankan eksperimen di makmal digalakkan merancang semula kajian agar boleh dilaksanakan secara simulasi sahaja mengguna teknologi pengkomputeran.

Pelajar boleh berbincang dengan penyelia PSM agar kajian di makmal boleh digantikan dengan kajian secara simulasi dengan kajian *literature* yang lebih kritikal dan analisis tambahan.

**8. Will I be able to get my result for Semester II if one of my subjects has the status (Incomplete)'Tidak Selesai' or TS ?**

Yes, you will be able to get your result. This is done exclusively during pandemic COVID-19.

**Adakah saya dapat memperoleh keputusan saya bagi Semester II jika salah satu subjek saya mempunyai status Tidak Selesai atau TS ?**

Ya, anda akan memperolehi keputusan anda. Ini dilakukan secara eksklusif semasa Pandemik COVID-19.

**9. Do I have to pay an additional fee for the subject that I did not complete (Tidak Selesai) in Semester II during Semester III later ?**

No. You only have to complete the subject in Semester III.

**Adakah saya perlu membayar yuran tambahan bagi subjek yang tidak dapat saya selesaikan (Tidak Selesai) semasa Semester II pada Semester III nanti?**

Tidak. Anda hanya perlu melengkapkan kursus semasa semester III.

**10. Do I have to register again the subject that I did not complete (Incomplete status) in Semester II during Semester III?**

No. You only have to complete the subject in Semester III.

**Adakah saya perlu mendaftar semula subjek yang tidak dapat saya selesaikan (Status Tidak Selesai) dalam semester II semasa Semester III?**

Tidak. Anda hanya perlu melengkapkan kursus semasa semester III.